

Kawasan tадahan air perlu diwarta

Kolam takungan berfungsi sebagai kawalan curahan hujan berlebihan

Oleh Suzalina Halid

suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebarang gangguan terhadap kawasan tадahan air di Kuala Lumpur adalah berisiko berikutan kedudukan ibu kota yang tiada kawasan menyaring air selain kerap berlaku banjir kilat.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata mana-mana kolam takungan air yang dicadangkan sebagai kawasan tадahan sepatutnya sudah diwartakan bagi memastikan ia boleh berfungsi sebagai kawalan curahan hujan berlebihan.

Sehubungan itu, beliau berkata, pewartawan itu juga penting bagi mengelakkan sebarang projek pembangunan dibuat di kawasan sensitif itu.

"Timbul persoalan sekiranya kolam takungan air dicadangkan

sebagai kawasan tадahan air, ke-napa ia tidak diwartakan?


"Kuala Lumpur misalnya perlu mempunyai kawasan takungan yang mencukupi untuk mengelakkan kawasan banjir dan atas sebab itu amat penting untuk ia diwartakan."

"Sekiranya berlaku taburan hujan berlebihan di atas lebur-haria di ibu kota contohnya, air tidak boleh masuk ke dalam tanah dan atas dasar itu ia perlu ditarikh kepada kolam takungan," katanya kepada BH.

Sebelum ini, Laporan Ketua Audit Negara (LKN) Tahun 2019 yang dibentangkan baru-baru ini mendedahkan, sebanyak 943 kebenaran perancangan diluluskan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari tahun 2015 sehingga 2020.

Berdasarkan LKN itu, enam kolam takungan air yang diluluskan pemberimilikan bagi tujuan pembangunan iaitu Batu, Nanyang, delima Tamian Wahyu, Batu 4 1/2 dan Taman Desa.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pengalaman kejadian banjir yang berlaku pada 18 Disember lalu di beberapa kawasan di ibu kota dan Selangor memberi pengajaran bahawa pentingnya kawasan takungan air dan ka-



Kolam Takungan Banjir Batu tampung jumlah hujan berlebihan.

(Foto Saifulzlan Tamadi/BH)

wasan hijau dikekalkan di dalam bandar.

"Kalaupun kita rujuk peraturan sedia ada seperti kawasan hijau, takungan air dan kawasan lapang sudah menjadi satu keperluan untuk kesejahteraan bandar bagi penduduknya."

"Ia bukan sahaja untuk manusia tetapi juga untuk alam sekitar dan haiwan liar yang berkongsi hidup dengan manusia," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membatalkan kebenaran membangun (DO) membabitkan enam kolam takungan air yang sudah diberi hak milik kepada syarikat pemaju.

Beliau berkata, Datuk Bandar

Kuala Lumpur misalnya perlu mempunyai kawasan takungan yang mencukupi untuk mengelakkan kawasan banjir dan atas sebab itu amat penting untuk ia diwartakan.

Ahmad Ismail,
Presiden MNS



mempunyai kuasa untuk membatalkan mana-mana DO jika wujudnya aspek teknikal yang mana jika ia tidak dipatuhi atau gagal dipatuhi kebenaran itu boleh dibatalkan," katanya.

"Dalam membabitkan perkara

berkaitan kolam takungan banjir ini wujudnya aspek teknikal yang mana jika ia tidak dipatuhi atau gagal dipatuhi kebenaran itu boleh dibatalkan," katanya.

Ruang takungan perlu diperbesar tampung air

Dari Muka 1

"Ada kolam (takungan air) kita mohon untuk pewartaan te tapi tidak dapat, sebaliknya diri beruntuk untuk pembangunan sedangkan kita sudah maklumkan ia penting untuk melindungi kawasan berkenaan."

"Kami cuba perjelaskan tugas kami adalah untuk memberi nasihat berdasarkan aspek sains dan kejuruteraan bukannya dari penilaian ekonomi dan nilai komersial tanah."

"Namun pihak jawatankuasa yang bertanggungjawab membuat keputusan yang tidak memahak kepada agensi berkaitan teknikal ketika itu," katanya kepada BH.

Difahamkan, syor agensi teknikal dan kejuruteraan itu ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur (JKTWPKL) yang dianggotai beberapa agensi. Nor Hisham berkata, ketika itu antara ulasan diberi pihaknya termasuklah kawasan yang berada dalam dataran banjir tidak digalakkan bagi pembangunan.

"Bagi pengurusan risiko dalam jangka masa panjang, ruang kolam takungan perlu diperbesarkan lagi untuk menampung jumlah air ketika hujan lebat."

"Kami nampak sejajar berbeza dengan memberi nasihat berdasarkan jangkaan dari aspek kejuruteraan dan teknikal namun keputusan dibuat satu jawatankuasa yang menilai secara keseluruhan," katanya.

Justeru, beliau berharap sebarang komen atau syor dikemukakan aspek kejuruteraan dan teknikal tidak dipandang ringan oleh pihak berwajib.

Beliau berkata, bagi kelulusan

projek pembangunan di bandar raya ini, keputusannya dibuat dengan tidak mengira sepenuhnya dalam aspek teknikal dan kejuruteraan.

Bulan lalu, Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh mendedahkan enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur diluluskan untuk tujuan pembangunan, sekali gus mendedahkan risiko bencana banjir di ibu kota.

Hannah dalam kenyataannya berkata, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mendedahkan sepanjang tempoh 2015 hingga 2020, Datuk Bandar meluluskan 943 kebenaran perancangan walaupun tidak selaras dengan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL) 2020.

Laporan itu timbul susulan banjir besar yang melanda Lembah Klang, bulan lalu yang meragut 52 nyawa dan menyebab-

kan lebih 70,000 mangsa terpaksa ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Laporan itu turut menyebut perubahan zon guna tanah dan pembangunan memberi kesan kepada alam sekitar dan pertambahan kepadaan menyebabkan berlaku pengurangan tanah lapang awam, kejadian banjir kilat di ibu kota dan kesesakan lalu lintas.

Laporan itu juga mendedahkan enam kolam takungan banjir telah diluluskan untuk tujuan pembangunan.

Dalam laporan itu turut dimasukkan mengenai hasrat JPS supaya kolam takungan banjir dapat dirizabkan hanya untuk tujuan kolam takungan banjir dan tidak diberi milik kepada pihak ketiga.

Enam kolam yang terbabit ialah Kolam Batu, Kolam Nanyang, Kolam Delima, Kolam Ta-

man Wahyu, Batu 4 1/2 dan Taman Desa.

Difahamkan, sebelum ini ada 15 kolam takungan air untuk menampung air hujan bagi mengelakkan kejadian banjir; namun kini hanya tinggal sembilan.

Sabtu lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasaun Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah mengadakan lawatan mengejut ke tapak projek Kolam Takungan Banjir Sungai Jinjang, yang menjadi lokasi Kolam Wahyu dan Kolam Delima.

Selepas lawatan itu, Azam mengarahkan DBKL untuk melantik juruukur dan jurunilai bertauilah dengan segera bagi mengukur keluasan terbaru kolam terbabit, yang sebelum ini di-dakwa ditebus guna untuk projek pembangunan.

Free trading initiative in FTs now until June

HAWKERS and petty traders operating in Kuala Lumpur under the Federal Territories Free Trading Initiative can continue their business as the deadline has been extended to the end of June.

However, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) said this would be applicable only to existing traders and not for new applicants.

"Existing traders who want to continue operating under this programme must renew their temporary licence online (<https://elesen.dbkl.gov.my>) as the previous extension ended on Dec 31 last year.

"They must also print and display their temporary licence at their stalls and it can only be operated by the registered trader," a DBKL spokesperson said.

He advised licensees not to misuse their permits, adding that DBKL officers would be conducting enforcement activities from time to time.

The free trading initiative was launched in November 2020 by the Federal Territories Ministry, allowing Malaysians in Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan to trade freely at any location within their respective federal territory.

Now part of the Kuala Lumpur Prihatin programme, the initiative was initially meant to end in April 2021, but was extended until Dec 31.

Under the initiative, more than 5,000 licences have been approved in all three federal territories, with the aim of giving



Hawkers operating along Jalan 1/23E in Wangsa Maju under the Federal Territories Free Trading Initiative, which was introduced in November 2020. — Filepic

Malaysians the opportunity to earn a living.

However, the mushrooming of these stalls around Kuala Lumpur has raised concerns about cleanliness and congestion.

StarMetro had previously highlighted that DBKL needed to step up enforcement to ensure the stalls do not cause inconvenience to road users, with some suggesting that des-

ignated areas be set up instead.

DBKL, in response, said it would only allow small-scale businesses, whereby stalls must be no more than eight sq ft in size and were limited to one stove only.

Permanent structures are also not allowed and traders are required to clean up at the end of the business day.

Inisiatif Wilayah Bebas Niaga diteruskan hingga Jun

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan Inisiatif Wilayah Bebas Niaga yang tamat pada 31 Disember lalu dengan melanjutkannya sehingga Jun depan.

DBKL dalam satu kenyataan pada Isnin memaklumkan, tiada bayaran fi-

lesen dikenakan dalam tempoh pemberian lesen semestara di bawah KL Prihatin itu.

“Penjaja yang masih aktif menjalankan aktiviti perniagaan dikehendaki mencetak semula lesen bagi tujuan pembaharuan.

“Urusan pembaharuan dan panduan cetakan lesen

boleh dilaksanakan dengan melayari laman <https://elesen.dbkl.gov.my>,” katanya.

Inisiatif Wilayah Bebas Niaga dilaksanakan sejak November 2020 bagi membolehkan orang ramai di Wilayah Persekutuan membuka gerai atau perniagaan secara kecil-kecilan di kawasan sesuai secara percuma.



Mohamed Helfien Nordin being taken to the Sessions Court in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

NST • 11/1/22 (Tuesday) • PG: 8

AN EARFUL FROM JUDGE

City Hall worker fined for bribery

KUALA LUMPUR: A Kuala Lumpur City Hall (DBKL) administrative assistant officer received an earful from a Sessions Court judge here yesterday after he pleaded guilty to accepting a RM2,700 bribe.

Judge Suzana Hussin reminded Mohamed Helfien Nordin, 45, that it was a sin for Muslims to accept bribes.

He advised the father of four to repent and not repeat the offence. "You are supposed to be a role model for your children.

"I hope you learnt something,

especially when you were in police lock-up. I give you one last chance to change."

Helfien, who was standing inside the dock, replied, "I understand", and nodded.

Suzana imposed a RM18,000 fine in default of 15 months' jail on Helfien.

He was charged with six counts of accepting bribes from several housing cleaning contractors in stages near the Medan Tuanku Maybank branch between January 2014 and June 2017.

The offence falls under Section

165 of the Penal Code, which carries a jail term of up to two years or a fine, or both, upon conviction.

Deputy public prosecutor Fadhlil Ab Wahab prosecuted, while the accused was represented by counsel C. Rajsurian Pillai.

Fadhlil, when met after the proceedings, said the accused would face more charges for a similar offence soon.

On March 12 last year, Helfien was slapped with 120 corruption charges involving RM82,700 in bribes.

Penolong pegawai tadbir DBKL didenda

Terima suapan RM2,700 daripada dua syarikat kontraktor

KUALA LUMPUR

RASUAH BUSTERS

Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin menjatuhkan hukuman denda RM18,000 atau 15 bulan penjara ke atas seorang penolong pegawai tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana menerima wang berjumlah RM2,700 daripada dua pemilik syarikat kontraktor pembersihan.

Hakim Rozina Ayob menjatuhkan hukuman itu ke atas Mohamed Helfien Nordin, 45, selepas dia mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima rasuah daripada dua pemilik syarikat kontraktor pembersihan yang dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya di Maybank Cawangan Medan Tuanku, Jalan Medan Tuanku 1 di sini, antara Januari 2014 dan Jun 2017.

Bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, bapa empat anak itu didenda RM3,000 bagi setiap kesalahan atau dua bulan penjara, jika gagal membayar denda tersebut, manakala bagi pertuduhan keempat hingga keenam, dia didenda RM3,000 bagi setiap kesalahan atau dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda.

Sebelum menjatuhkan hukuman itu, Rozina menasihati tertuduh agar menjadi contoh yang baik kepada empat anaknya dan bukan melakukan perbuatan menyalahi undang-undang.

"Mahkamah memberi peluang terakhir kepada kamu untuk benar-benar berubah. Walaupun kamu mengaku bersalah, ia amat mendukacitakan kerana ia (rasuah) dilakukan oleh seorang penjawat awam. Kamu berada di lokap selama 26 hari dan mahkamah berharap ia akan menjadi pengajaran kepada kamu," kata hakim itu.

Tertuduh yang berdiri di kandang tertuduh kemudian menjawab "Saya faham".

Mengikut keenam-enam pertuduhan itu, Mohamed Helfien seorang Penolong Pegawai Tadbir (N29), Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti yang bertugas sebagai Pengurus Perumahan Zon 2 DBKL didakwa menerima untuk dirinya wang berkenaan yang dimasukkan dalam akaun Maybank

miliknya daripada pemilik syarikat kontraktor pembersihan perumahan dan rumah sampah di DBKL yang ada hubungan dengan kerja rasmi tertuduh sebagai Pengurus Perumahan Zon 2.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan dan sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada 12 Mac tahun lepas, Mohamed Helfien yang dihadapkan ke tiga Mahkamah Sesyen di sini mengaku tidak bersalah atas 120 pertuduhan menerima wang berjumlah RM82,700 daripada lima pemilik syarikat kontraktor pembersihan mengikut Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan.

Pada prosiding Isnin, mahkamah mempertimbangkan 28 lagi pertuduhan mengikut Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah selepas tertuduh mengaku bersalah atas enam pertuduhan di bawah Kanun Kesejahteraan.

Peguam C Rajsurian Pillai mewakili tertuduh, manakala pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhlil Ab Wahab.

Sementara itu, Fadhlil ketika ditemui pemberita selepas prosiding berkata, sebanyak 86 lagi pertuduhan dihadapi tertuduh di dua Mahkamah Sesyen berasingan di sini ditetapkan untuk sebutan pada 19 Januari ini. - Bernama

Rasuah: Penolong Pegawai Tadbir DBKL mengaku bersalah

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang penolong pegawai tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima suapan berjumlah RM2,700 berhubung kerja-kerja pembersihan perumahan rakyat (PPR) dan rumah sampah.

Hakim Rozina Ayob turut merintahkan tertuduh, Mohamed Helfien Nordin, 45, dipenjara selama 15 bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bertugas sebagai Pengurus Perumahan Zon 2, Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL didakwa menerima suapan berjumlah RM2,700 dari pada dua pemilik syarikat kontraktor pembersihan di antara 4 Februari 2014 hingga 5 Disember 2016.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Fadhl Ab. Wahab manakala tertuduh diwakili peguam bela, C. Rajsurian Pillai.



MOHAMED Helfien Nordin didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima suapan berjumlah RM2,700 berhubung kerja-kerja pembersihan PPR dan rumah sampah. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pada 12 Mac 2021, Mohamed Helfian didakwa atas 120 pertuduhan membabitkan rasuah di dua Mahkamah Sesyen di sini. Pada tarikh tersebut di hadapan Rozina, tertuduh mengaku tidak bersalah atas 34 pertuduhan.

Pada prosiding semalam, tertuduh mengaku bersalah terhadap enam pertuduhan. Pihak pendakwaan kemudian memohon agar baki 28 pertuduhan diambil untuk dipertimbangkan (*taken into consideration*) sebagaimana dalam peruntukan 171A Kanun Prosedur Jenayah.

Bagi kes di hadapan Hakim Azura Alwi yang membabitkan 86 pertuduhan, kes akan

disebut pada 19 Januari ini dan jumlah keseluruhan rasuah yang didakwa diterima tertuduh RM82,700.

Terdahulu, ketika mengemukakan rayuan, Rajsurian memohon mahkamah mengambil kira bahawa anak guamnya tidak mempunyai rekod jenayah lam-pau, mempunyai empat orang anak dan isteri yang tidak bekerja.

"Mohon mahkamah mengambil kira bahawa tertuduh juga pernah ditahan di lokap selama 12 hari ketika direman dan selama 14 hari selepas didakwa kerana tidak mampu menjelaskan jaminan ketika itu," kata peguam terbabit.